



**SIARAN MEDIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PENAMATAN TERHADAP PENERIMAAN PEMBAYARAN SECARA TUNAI DAN CEK  
DI BAHAGIAN HASIL, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

1. Sebagai mendukung sebahagian daripada inisiatif Kementerian Kewangan dan Ekonomi ke arah pendigitalan, sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan memberhentikan penerimaan pembayaran secara tunai atau cek bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Bahagian Hasil **bermula pada hari Rabu, 1 Mei 2024**.
2. Inisiatif ini adalah seiring dengan pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan secara atas talian yang disediakan oleh Bahagian Hasil melalui System for Tax Administration and Revenue Services (STARS) di dalam One Common Portal (OCP) seperti pemfailan Penyata Cukai Pendapatan dan e-Stamping.
3. Pembayaran bagi cukai dan lain-lain perkhidmatan boleh dibuat melalui kaedah berikut:

<b>Jenis Perkhidmatan</b>	<b>Kaedah Pembayaran</b>
Semua Cukai (Tidak termasuk Cukai Petroleum) dan Perkhidmatan Lain	Kaunter Bank – 'Bill Payment Slip' - <b>Bank Islam Brunei Darussalam</b> - <b>Standard Chartered Bank</b>
	Perbankan Internet – 'Bill Payment' - <b>Bank Islam Brunei Darussalam</b> - <b>Standard Chartered Bank</b> - <b>Baiduri Bank</b>
	Telegraphic Transfer - <b>Bank Islam Brunei Darussalam</b> - <b>Standard Chartered Bank</b> (Kaedah Pembayaran ini hanya untuk pembayaran yang dibuat dari luar negara sahaja)
Duti Setem	Kredit Kad atau Debit Kad

4. Untuk memastikan pembayaran berjaya diselaraskan dalam sistem dan mengelakkan daripada penalti dikenakan, perkara-perkara berikut hendaklah dipastikan, antaranya:
  - Return ID (9 digit) yang dijana oleh STARS selepas pemfailan dibuat hendaklah disediakan semasa membuat pembayaran bil;
  - Untuk pembayaran melalui Kaunter Bank, gunakan satu (1) Bill Payment Slip untuk satu (1) Return ID; dan
  - Untuk pembayaran melalui Perbankan Internet, gunakan satu (1) Bill Payment untuk satu (1) Return ID.



5. Tatacara bagi kaedah pembayaran boleh didapati di laman sesawang OCP di [www.ocp.mofe.gov.bn](http://www.ocp.mofe.gov.bn).
6. Untuk sebarang pertanyaan atau penjelasan lanjut, sila hubungi pihak Bahagian Hasil melalui emel di alamat [revenue@mofe.gov.bn](mailto:revenue@mofe.gov.bn); atau melalui telefon di talian +673 2383933 or +673 2380651.

#####

Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 13 Mac 2024  
Rujukan: KKW/ADM/70



**PRESS RELEASE**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**TERMINATION OF ACCEPTANCE OF PAYMENTS BY CASH AND CHEQUE  
AT THE REVENUE DIVISION, MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

1. As part of the Ministry of Finance and Economy's initiative to promote digitalisation, kindly be informed that Revenue Division, Ministry of Finance and Economy will no longer be accepting any payments made by cash or cheque **effective from Wednesday, 1<sup>st</sup> May 2024**.
2. This initiative is in line with the implementation of online services provided by the Revenue Division through the System for Tax Administration and Revenue Services (STARS) in the One Common Portal (OCP) such as the filing of Income Tax Returns and e-Stamping.
3. Payments for the following services can be made through the methods listed below:

<b>Service Type</b>	<b>Payment Methods</b>
All Taxes (excluding Petroleum Tax) and Other Services	Bank Counter – Bill Payment Slip - <b>Bank Islam Brunei Darussalam</b> - <b>Standard Chartered Bank</b>
	Internet Banking – Bill Payment - <b>Bank Islam Brunei Darussalam</b> - <b>Standard Chartered Bank</b> - <b>Baiduri Bank</b>
	Telegraphic Transfer - <b>Bank Islam Brunei Darussalam</b> - <b>Standard Chartered Bank</b> (This payment method is for payment made from overseas only)
Stamp Duty	Credit Card or Debit Card

4. To ensure the payment is successfully processed in the system and no penalty is imposed, please ensure to insert the following information correctly:
  - Return ID (9 digits) generated by STARS after filing must be provided when making bill payment;
  - For Bank Counter, to use one (1) Bill Payment Slip for one (1) Return ID; and
  - For Internet Banking, to use one (1) Bill Payment for one (1) Return ID.



5. The user guide for payments is available on the OCP website at [www.ocp.mofe.gov.bn](http://www.ocp.mofe.gov.bn).
6. For further enquiries or clarification, please contact Revenue Division, Ministry of Finance and Economy via email at [revenue@mofe.gov.bn](mailto:revenue@mofe.gov.bn); or call +673 2383933 or +673 2380651.

#####

Ministry of Finance and Economy  
Brunei Darussalam

Date: 13 March 2024  
Reference: KKW/ADM/70